

# PM lancar Sambutan Ulang Tahun PBSM ke-75



Foto: ARIFF AZMAN  
**SYUQREE MOHD DAIN**

**B**ERSEMPENA sambutan ulang tahun penubuhan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSSM) ke-75, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah meluangkan masa merasmikan Majlis Pelancaran Sambutan Ulang Tahun ke-75 BSSM di Ibu Pejabat Kebangsaan BSSM, Jalan Wisma Putra pada 5 Mei lalu.

Sambutan ulang tahun yang berlandaskan tema '75 tahun... Sebuah Kisah Kemanusiaan' tersebut dimulakan dengan aksi perbarisan dan kawalan

kehormat oleh sukarelawan dan anggota belia BSSM.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Tunku Temenggong Kedah yang juga Pengerusi Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM), Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Ibni Almarhum Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Turut sama Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa; Menteri Pendidikan, Fadhilina Sidek; Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abd Halim.

